

Nama: _____

Perkembangan Seni di Malaysia

Pilih perkataan yang betul dan isi dalam tempat kosong yang berikut.

budaya	etnik	Seni	politik	berinteraksi
kepimpinan	majmuk	asimilasi	pengiktirafan	masyarakat

(1)_____ ialah pengamatan dan kebolehan mencipta sesuatu seperti lukisan, catan,ukiran, kraf dan sebagainya untuk diamati dan dihargai oleh masyarakat dan menjadi warisan (2)_____ negara. Seni yang diamalkan dan diwarisi sehingga hari ini meliputi seni visual, seni muzik, seni tarian, seni teater dan seni kraf. Bidang seni ini memainkan peranan penting kepada(3)_____ Malaysia yang mempunyai pelbagai masyarakat dari segi kaum dan identiti (4)_____. Kita dapat melihat perbezaan individu dalam banyak aspek seperti agama, pekerjaan, bahasa dan (5)_____. Hal ini akan mencorak kepelbagaian seni dan budaya dalam masyarakat (6)_____ di Malaysia.

Masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik seperti Melayu, Cina, India, etnik Sabah dan Sarawak terus (7)_____ serta berkongsi pola kesenian dan kebudayaan mereka. Namun mereka harus berpegang kepada prinsip mempertahankan seni dan budaya masing-masing.

Seni yang wujud dalam kalangan kaum dan etnik di Malaysia ialah hasil daripada (8)_____ pelbagai kaum. Diharapkan kepelbagaian seni yang terdapat di Malaysia dapat dikekalkan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat dapat dicapai.

Terdapat ramai artis dan tokoh seni di Malaysia. Pemilihan artis dan tokoh seni ini dapat memberikan gambaran tentang peranan mereka dalam memajukan seni tanah air mengikut aliran masing-masing. Terdapat tujuh artis dan tokoh seni yang dibincangkan, iaitu Syed Ahmal Jamal, Mohamad Hoessein Enas, Yong Mun Sen, Haron Mokhtar, Zulkifli Yusoff, Shaq Koyok dan Ali Nurazmal Yusoff.

Tokoh ialah penghormatan atau (9)_____ yang diberikan oleh kerajaan Malaysia kepada seseorang yang berpengetahuan dan mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang seni.

Selain itu, pengiktirafan tokoh juga dilihat dari segi komitmen yang tinggi dalam memulihara, memelihara dan memartabatkan seni di negara ini. Seseorang tokoh juga menjadi contoh ikutan kepada pelapis muda yang lain dan mempunyai ciri-ciri (10)_____ yang cemerlang serta mengambil berat tentang hal masyarakat setempat.